

Kuin perlu transformasi

Supaya terus relevan sebagai IPT sumbang pembangunan



Mukhriz bersalaman dengan kakitangan Kuin sewaktu menghadiri majlis berbuka puasa bersama warga Kuin, kelmarin.

■ NURUL FATIHAH SULAINI

ALORSETAR - Transformasi perlu dilaksanakan untuk memastikan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) terus relevan sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, Universiti Iskandariah, Mesir, boleh dijadikan sebagai contoh dan rujukan kerana masih mampu mengekalkan reputasi pendidikan yang cemerlang walaupun sudah wujud sejak sekian lama.

"Kuin perlu ambil teladan daripada universiti Islam terkemuka ini biarpun wujud lebih 1,000 tahun lalu tetapi masih kekal beroperasi kerana membuat perubahan mengikut peredaran zaman.

"Transformasi perlu dilakukan dari semasa ke semasa dan apa yang ditawarkan (kursus) untuk pelajar mesti mengikut kesesuaian zaman," katanya pada majlis berbuka puasa bersama warga Kuin di Kampus Mergong.

“ Kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan apa yang berlaku di Kuin dan selebihnya bergantung kepada dedikasi semua pihak untuk melonjakkan IPT ini lebih dari tahap sedia ada. Jika boleh biarlah kita sentiasa berlari ke depan menuju kejayaan supaya tidak ketinggalan.” - Mukhriz

Mukhriz berkata, bukan hanya pelajar yang perlu meningkatkan ilmu pengetahuan tetapi juga golongan pensyarah juga seharusnya terus melakukan penyelidikan dan menerbitkan bahan ilmiah yang sesuai mengikut peredaran zaman.

"Kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan apa yang berlaku di Kuin dan selebihnya bergantung kepada dedikasi semua pihak untuk melonjakkan IPT ini lebih dari tahap sedia ada. Jika boleh biarlah kita sentiasa berlari ke depan menuju kejayaan supaya tidak ketinggalan," katanya.

Sementara itu, Rektor Kuin, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, post-mortem perlu dibuat berikutan trend kemasukan bilangan pelajar

nunjukkan penurunan sejak 2009.

"Walaupun jumlahnya tidak ketara kerana masih mencatatkan kemasukan kira-kira 5,000 lebih namun kita tidak boleh berpuas hati. Trend ini perlu diubah selewat-lewatnya pada 2015 kerana kelangsungan sesebuah IPT bergantung kepada bilangan pelajar.

"Jika ada pensyarah hebat pun tiada guna sekiranya tidak ada pelajar, justeru apa sahaja kerja kena lakukan yang terbaik kerana ada kepentingan ummah di sini iaitu perlu memperjuangkan pendidikan Islam," katanya.

Menurutnya, warga Kuin perlu berusaha gigih meningkatkan produktiviti untuk memberi sumbangan terbaik kepada kolej universiti, rakyat